Mingguan Katolik
HERALD

Lihatlah, betapa besarnya kasih yang dikaruniakan Bapa kepada kita, sehingga kita disebut anak-anak Tuhan, dan memang kita adalah anak-anak Tuhan. Kerana itu dunia tidak mengenal kita, sebab dunia tidak mengenal Dia. Saudara-saudaraku yang kekasih, sekarang kita adalah anak-anak Tuhan, tetapi belum nyata apa keadaan kita kelak; akan tetapi kita tahu, bahawa apabila Kristus menyatakan diri-Nya, kita akan menjadi sama seperti Dia.
1 Yohanes 3: 1-2

November 1, 2026 www.heraldmalaysia.com

Sejarah dunia jadi miskin tanpa para Santo



VATIKAN: Sri Paus Leo XIV menegaskan bahawa para santo dan santa telah memainkan peranan penting dalam membentuk sejarah manusia melalui kesaksian iman dan kehidupan mereka yang berakar umbi dalam Injil.

"Tanpa para santo dan santa, sejarah dunia akan menjadi jauh lebih miskin; dengan kata lain, kurang berperikemanusiaan," kata Sri Paus ketika menerima peserta persidangan *Holiness in History* (Kekudusan dalam Sejarah), anjuran Dikasteri bagi Penggelaran Kudus, pada Oktober 21.

Persidangan yang berlangsung di Institut Patristik Augustinianum, Rom, itu bertujuan memperdalam pemahaman tentang hubungan antara kesucian dengan sejarah, khususnya dalam proses penggelaran kudus.

Dalam ucapannya, Sri Paus mengetengahkan tiga aspek penting berkaitan kesucian dan sejarah.

Pertama, beliau menekankan bahawa pengiktirafan kesucian seseorang calon santo atau santa perlu berasaskan kesaksian yang sahih, boleh dipercayai dan tidak dapat dipertikaikan.

Menurut Bapa Suci, penyelidikan sejarah memainkan peranan penting dalam memastikan setiap proses penggelaran kudus dilaksanakan secara teliti dan berlandaskan bukti yang kukuh.

Bapa Suci Leo mengimbas sumbangan Sri Paus Pius XI yang menubuhkan Bahagian Sejarah dalam Kongregasi Suci bagi Ritus, sekali gus membuka jalan kepada penggunaan kaedah kajian sejarah secara kritis dalam proses penggelaran kudus.

Beliau menjelaskan bahawa pendekatan tersebut bukan sahaja penting bagi calon-calon dari zaman lampau, tetapi juga dalam penelitian terhadap kes penggelaran kudus yang lebih terkini.

Bagaimanapun, tujuan penyelidikan itu bukan sekadar menghasilkan catatan sejarah, sebaliknya untuk menyerlahkan keteladanan hidup, spiritualiti dan reputasi kesucian seseorang calon.

Kekudusan merentasi zaman

Aspek kedua yang diketengahkan Sri Paus ialah pengaruh perkembangan sejarah dan budaya terhadap pemahaman manusia tentang kesucian.

Beliau menjelaskan bahawa gambaran mengenai para santo dan santa mungkin berubah mengikut peredaran zaman, namun perubahan itu bukan bertujuan menyesuaikan mereka dengan pandangan popular semasa.

Sebaliknya, kehidupan dan kesaksian mereka perlu difahami dalam konteks sejarah masing-masing, berlandaskan nilai-nilai Injil.

Menurut Sri Paus, umat Tuhan memerlukan teladan kesucian yang dapat membimbing mereka menghadapi cabaran kehidupan masa kini.

Pada masa yang sama, beliau menegaskan bahawa pengisytiharan seseorang sebagai santo atau santa melangkaui batasan sejarah.

Melalui penggelaran kudus, Pengganti Petrus bukan sahaja mengiktiraf kesucian seseorang, tetapi turut memperkenalkannya kepada seluruh Gereja sebagai saksi Injil yang mampu memberikan inspirasi kepada setiap generasi.

Iman yang mengubah sejarah

Dalam aspek ketiga, Sri Paus mengajak para peserta merenungkan bagaimana kehidupan para santo dan santa telah membawa perubahan kepada sejarah manusia.

Menurut Bapa Suci, dengan bimbingan rahmat Tuhan, mereka mampu menyahut keperluan zaman masing-masing, menyatukan iman dengan kehidupan serta mengabdikan diri untuk membangunkan Kerajaan Tuhan.

Kesaksian mereka membuktikan bahawa iman bukan sekadar pengalaman peribadi, tetapi mempunyai kuasa untuk membawa pembaharuan dalam masyarakat.

Sri Paus turut mengingatkan bahawa kehidupan para santo dan santa, yang berakar dalam realiti zaman mereka, memperlihatkan kuasa pembaharuan dan perubahan yang lahir daripada Misteri Paskah.

"Mereka memperlihatkan kepada kita bagaimana sejarah dibentuk oleh iman," katanya.

Mengakhiri ucapannya, Sri Paus merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses penggelaran kudus kerana membantu Gereja mengenali dan menghargai kesaksian hidup para santo dan santa.

Uskup Roma itu kemudian menyerahkan para peserta ke dalam perlindungan Perawan Maria, Ratu Segala Orang Kudus, sebelum memberikan Berkat Apostolik. **Media Vatikan**

Pekerjaan: Halangan atau rahmat dalam kehidupan rohani?

Ketika di sekolah menengah, kami pernah membaca sebuah cerpen Jerman bertajuk *Immensee.* Cerita itu mengisahkan cinta yang tidak pernah menjadi kenyataan, walaupun hubungan tersebut sebenarnya mempunyai peluang untuk berkembang. Namun, watak utama yang tragis dalam kisah itu tidak pernah mampu meluahkan perasaannya kepada wanita yang dicintainya. Akhirnya, dia hidup bersendirian dengan hati yang terluka dan penuh penyesalan.

Cerita itu berakhir dengan lelaki tersebut mengenang kata-kata terakhir wanita berkenaan. Ketika mereka berpisah bertahun-tahun sebelumnya, wanita itu berkata kepadanya, "Saya tahu kamu tidak akan kembali lagi!"

Pada waktu itu, dia tidak menyedari betapa benarnya kata-kata tersebut. Kini, apabila mengenangnya kembali, dia dilanda penyesalan dan merasakan kehidupannya kosong. Dia begitu sedih.

Namun, setelah beberapa ketika tenggelam dalam kesedihan, dia bangkit, menuju ke meja kerjanya dan, walaupun hatinya masih terluka, kembali "bekerja dengan segala semangat seperti ketika mudanya."

Syukur kepada Tuhan kerana adanya pekerjaan. Kadangkala, pekerjaanlah satu-satunya perkara yang membantu kita daripada terus tenggelam dalam kesedihan yang tidak tertanggung. Pekerjaan merupakan sesuatu yang indah, suatu anugerah daripada Tuhan.

Kita masih kekurangan pemahaman rohani yang baik tentang pekerjaan. Terlalu kerap, pekerjaan dianggap sebagai sesuatu yang menjauhkan kita daripada Tuhan dan doa, suatu gangguan kepada kehidupan rohani, bukannya sesuatu yang baik, jujur dan suci, apatah lagi anugerah daripada Tuhan.

Malah, dalam sesetengah pandangan kerohanian, pekerjaan dianggap sebagai hukuman akibat dosa, sesuatu yang muncul selepas Adam jatuh ke dalam dosa, bukannya sebahagian daripada kehendak atau rancangan asal Tuhan.

Menurut pandangan ini, sekiranya dosa tidak wujud, manusia tidak perlu bekerja. Sukar untuk membentuk pemahaman teologi yang sihat tentang pekerjaan apabila pekerjaan dilihat semata-mata sebagai akibat dosa dan bukannya sesuatu yang dikehendaki Tuhan sejak awal.

Namun, ada juga kebenaran dalam pandangan bahawa pekerjaan boleh menjadi gangguan atau tempat kita melarikan diri, sama ada daripada Tuhan mahupun keluarga.

Pekerjaan juga boleh dijadikan alasan untuk mengelakkan diri daripada menghadapi persoalan yang lebih mendalam dalam kehidupan.

Kita juga perlu berhati-hati agar tidak mengukur nilai diri berdasarkan pekerjaan dan pencapaian semata-mata. Tanpa sedar, kita mungkin terus memaksa diri bekerja untuk berasa berharga.

Walaupun pekerjaan boleh menjadi alasan untuk mengelakkan persoalan hidup yang lebih mendalam, ia juga merupakan anugerah Tuhan dan jalan untuk mendekatkan diri kepada-Nya.

Kita menghabiskan sebahagian besar waktu ketika berjaga dengan bekerja. Hal ini sepatutnya menyedarkan kita bahawa pekerjaan merupakan salah satu jalan utama yang Tuhan sediakan untuk membawa kita kepada makna kehidupan yang lebih mendalam.

Melihat kepada cara manusia diciptakan dan bagaimana kehidupan berlangsung, pastinya Tuhan tidak mengharapkan kita memikirkan-Nya secara sedar pada setiap saat sepanjang hari.

Tuhan bukanlah pemerintah yang mementingkan diri dan menuntut perhatian kita sepanjang masa, sedangkan kita perlu bekerja berjam-jam sambil menghadapi pelbagai kesedihan, masalah, kegelisahan, kebimbangan, ketakutan dan perkara yang memenuhi fikiran kita setiap hari.

Sekiranya Tuhan menuntut supaya kita sentiasa memikirkan-Nya pada setiap saat, maka tentu ada sesuatu yang tidak kena dengan cara manusia diciptakan dan bagaimana kehidupan ini diatur.

Namun, sebenarnya tidak ada yang salah. Tuhan ialah asas kewujudan kita, termasuk pekerjaan dan hubungan kita dengan sesama. Di dalam Dia, "kita hidup, bergerak dan ada" (Kis 17:28).

Kita mengenali Tuhan bukan hanya melalui kesedaran dan doa, tetapi juga secara mendalam, walaupun kadangkala tanpa kita sedari, apabila kita mengambil bahagian bersama-Nya dalam membangunkan dunia ini.

Kita melakukannya dengan menanam, membina, mengukir, mencipta, membersihkan, melukis, menulis, membesarkan anak-anak, merawat orang sakit, mengajar, menghiburkan, menceriakan hati orang lain, menghadapi cabaran bersama dan saling mengasihi.

Seperti doa, pekerjaan merupakan salah satu jalan istimewa untuk mengenali Tuhan kerana apabila kita bekerja, kita sebenarnya turut mengambil bahagian dalam karya-Nya.

Yesus sendiri memahami pengalaman bekerja dan keletihan. Dalam kebijaksanaan rohani kehidupan monastik, terdapat nasihat yang berbunyi: "Tinggallah di dalam bilikmu, dan bilik itu akan mengajarkan segala yang perlu kamu ketahui."

Nasihat ini tidak seharusnya difahami secara harfiah. Ia merupakan suatu kiasan yang sarat dengan makna.

"Bilik" yang dimaksudkan ialah panggilan dan pekerjaan kita dalam kehidupan, sama ada sebagai suami, isteri, bapa, ibu, paderi, sister, tukang kayu, guru, pegawai bank, pekerja binaan, jururawat, doktor, pekerja pembersihan, seniman, pemandu bas, juruteknik komputer, jurujual, ahli sukan dan sebagainya.

Sekiranya kita melaksanakan tanggungjawab yang dituntut oleh panggilan dan pekerjaan kita dengan setia, pekerjaan itu sendiri akan menjadi jalan menuju kekudusan.

Melaluinya, kita dibawa kepada hubungan yang semakin erat dengan Tuhan, sesama manusia dan seluruh ciptaan.

Sudah tentu, terdapat bahaya apabila kita menggunakan kesibukan sebagai alasan untuk mengabaikan keluarga, doa dan kehidupan bermasyarakat.

Kerajinan bekerja yang pada mulanya merupakan suatu kebajikan boleh berubah menjadi tabiat yang tidak sihat.

Namun, bahaya yang lebih besar ialah apabila kita tidak bersedia memberikan komitmen sepenuhnya terhadap pekerjaan yang diamanahkan kepada kita. Pekerjaan bukanlah akibat dosa.

Sebaliknya, pekerjaan merupakan salah satu jalan kita menuju kekudusan. **Hak Cipta Terpelihara 1999-2026 @ Fr Ron Rolheiser**

HARI RAYA SEMUA ORANG KUDUS (TAHUN A)

Wahyu 7:2-4, 9-14;
1 Yohanes 3:1-3;
Injil Matius 5:1-12.

Kekudusan bermula dalam kehidupan seharian


Apabila kita mendengar perkataan orang kudus, mungkin kita terbayang wajah para santo dan santa yang terpampang pada gambar atau patung di dalam gereja.

Mereka kelihatan begitu suci, tabah dan dekat dengan Tuhan. Kita pula mengenali kelemahan sendiri. Kita mudah marah, hilang sabar, mengeluh, berasa iri hati dan kadangkala gagal melakukan perkara baik yang kita sendiri tahu patut dilakukan. Lalu kita mungkin tertanya-tanya, "Mampukan orang biasa seperti saya menjadi kudus?" Hari Raya Semua Orang Kudus mengingatkan kita bahawa kekudusan bukan hanya untuk segelintir orang yang luar biasa. Kekudusan ialah panggilan setiap orang yang telah dibaptis.

Dalam bacaan pertama, Sto Yohanes melihat suatu kumpulan besar manusia daripada pelbagai bangsa, suku, kaum dan bahasa berdiri di hadapan takhta Tuhan. Mereka mengenakan jubah putih dan memegang daun palma sebagai tanda kemenangan.

Siapakah mereka? Mereka ialah orang yang telah melalui penderitaan besar dan membasuh jubah mereka dalam darah Anak Domba.

Gambaran ini mengingatkan kita bahawa kekudusan bukan bermaksud seseorang tidak pernah mengalami kesusahan atau



tidak pernah jatuh dalam dosa. Sebaliknya, mereka tetap berpaut kepada Kristus, membiarkan diri disucikan oleh rahmat-Nya dan setia kepada-Nya hingga akhir.

Mereka datang daripada pelbagai latar belakang. Mungkin ada yang pernah menjadi pemimpin, guru, ibu bapa, petani atau pekerja biasa. Ada yang dikenali dunia, tetapi ramai juga yang menjalani kehidupan sederhana tanpa mendapat perhatian sesiapa.

Namun, Tuhan mengenali mereka. Dalam bacaan kedua, Sto Yohanes menyampaikan sesuatu yang sangat indah: kita disebut anak-anak Tuhan, dan memang itulah kita.

Renungkan sejenak. Kita bukan sekadar manusia yang berusaha mendapatkan perhatian Tuhan. Kita sudah dikasihi-Nya sebagai anak-anak-Nya.

Kasih inilah yang menjadi asas perjalanan kita menuju kekudusan. Kita tidak perlu menjadi sempurna terlebih dahulu untuk dikasihi Tuhan. Sebaliknya, kerana kita dikasihi-Nya, kita dipanggil untuk terus berubah dan menjadi semakin serupa dengan Kristus.

Bagaimanakah kita boleh melakukannya? Dalam Injil hari ini, Yesus memberikan jawapan melalui Sabda Bahagia.

Yesus menyebut berbahagialah mereka yang miskin di hadapan Tuhan, lemah lembut, murah hati, suci hati, membawa damai dan mereka yang dianiaya kerana kebenaran.

Menariknya, Yesus tidak mengatakan bahawa orang yang paling kaya, berkuasa, terkenal atau sentiasa berjaya ialah orang yang berbahagia.

Sebaliknya, Dia menunjukkan jalan kebahagiaan yang berbeza daripada ukuran dunia. Kita boleh menghayati Sabda Bahagia melalui perkara kecil setiap hari.

Apabila kita memilih untuk bersabar dengan ahli keluarga yang menyakitkan hati, kita sedang belajar menjadi lemah lembut.

Apabila kita membantu seseorang tanpa mengharapkan balasan, kita sedang belajar menjadi murah hati.

Apabila kita memilih untuk berdamai daripada terus menyimpan dendam, kita sedang menjadi pembawa damai.

Apabila kita tetap melakukan perkara yang benar walaupun tidak disukai orang, kita sedang berusaha hidup menurut kehendak Tuhan.

Semua ini mungkin kelihatan kecil. Namun, kekudusan sering bertumbuh melalui pilihan kecil yang dilakukan dengan kasih dan kesetiaan.

Sudah tentu, perjalanan ini tidak mudah. Ada hari kita berjaya bersabar, tetapi keesokan harinya kita kembali marah. Ada masanya kita bersemangat untuk berdoa, tetapi kemudian menjadi lalai.

Namun, jangan berputus asa. Para santo dan santa juga pernah menghadapi kelemahan, godaan dan penderitaan. Apa yang membezakan mereka bukanlah kehidupan tanpa kesalahan, tetapi kesediaan untuk terus kembali kepada Tuhan.

Hari ini, Gereja mengajak kita memandang ke syurga dengan penuh harapan. Kumpulan besar yang dilihat Santo Yohanes dalam Kitab Wahyu mengingatkan kita bahawa perjalanan hidup ini mempunyai tujuan, iaitu bersatu dengan Tuhan selama-lamanya. Kekudusan bukan bermula apabila kita melakukan sesuatu yang hebat. Kekudusan bermula apabila kita memilih untuk mengasihi Tuhan dan sesama, hari demi hari.

Maka, jangan tunggu sehingga kita mempunyai lebih banyak masa, lebih banyak pengetahuan atau kehidupan yang lebih sempurna untuk menjadi kudus.

Mulakan hari ini, di rumah, di tempat kerja, dalam keluarga dan dalam pelayanan kita. Panggilan untuk menjadi kudus bukan hanya ditujukan kepada mereka yang sudah berada di syurga, tetapi juga kepada kita yang masih dalam perjalanan menuju ke sana. **Fr Xavier Kanisius, Pelita Iman**

51 paderi muda berkongsi cabaran pelayanan

KUCHING: Seramai 51 paderi dari Malaysia dan Singapura menyertai Perhimpunan Paderi Muda 2026 (YPG 2026) yang berlangsung di Kolej St Peter, Kuching, pada Oktober 5–9 lalu.

Bertemakan *Celebrate, Listen and Walk Together* (Meraikan, Mendengar dan Berjalan Bersama), perhimpunan itu menghimpunkan para paderi yang ditahbiskan dalam tempoh lima tahun terakhir, tanpa mengira usia.

Program tersebut memberi peluang kepada peserta berehat seketika daripada kesibukan pastoral, berkongsi pengalaman pelayanan serta memperkukuh persaudaraan sesama paderi.

Perhimpunan dimulakan dengan Misa Kudus di Katedral St Joseph yang dipimpin oleh Msgr William Sabang, diikuti jamuan sambutan bersama Uskup Agung Emeritus John Ha dan Fr Nicholas Ng.

Antara pengisian utama ialah sesi pembentukan bersama Rektor Kolej St Peter, Fr Patrick Heng, yang berkongsi kegembiraan, cabaran dan perjuangan dalam kehidupan imamat.

Melalui Perbualan dalam Roh (CIS), para peserta turut berpeluang saling mendengar, berkongsi keprihatinan dan memberikan sokongan dalam usaha menghayati kehidupan imamat yang kudus, sihat dan bahagia.

Sementara itu, Fr Ramon Borja SDB menerusi sesi *Duc in Altum* (Bertolak ke Tempat yang Dalam) mengajak para paderi beralih daripada pendekatan sekadar mengekalkan kegiatan sedia ada kepada pelayanan yang lebih berorientasikan misi, pembaharuan dan keterbukaan terhadap perubahan.

Sepanjang perhimpunan, para peserta mengikuti doa pagi dan petang, Misa Kudus harian, adorasi Ekaristi serta doa Rosari sempena Peringatan Santa Perawan Maria Ratu Rosari pada Oktober 7.

Program turut diserikan dengan kunjungan ke beberapa komuniti paroki, malam kebudayaan dan lawatan ke Kampung Pasir Hulu, Lundu, yang memperkenalkan warisan masyarakat Salako serta sejarah Gereja setempat.

Perhimpunan diakhiri dengan doa petang, Misa Kudus yang dipimpin oleh Msgr William Sabang dan jamuan persaudaraan di seminari.

YPG 2026 menegaskan bahawa kehidupan imamat bukanlah perjalanan bersendirian. Melalui semangat meraikan, mendengar dan berjalan bersama, para paderi diperkukuh untuk meneruskan panggilan melayani Tuhan dan umat-Nya.







Lawatan Mother General IJ meriahkan komuniti Sook

SOOK: Lebih tiga dekad berkarya di Sook, Keningau, para sister Kongregasi Sisters of the Infant Jesus (*IJ Sisters*) terus memainkan peranan penting dalam memperluas akses pendidikan, khususnya kepada kanak-kanak di kawasan pedalaman.

Melalui pelbagai kemudahan dan inisiatif pendidikan, pelayanan mereka telah membuka lebih banyak peluang pembelajaran serta membawa perubahan bermakna kepada masyarakat di Sook.

Pada Oktober 18, Mother General IJ dari Itali, Sr Maria Motta dan Sr Kitty Eliard, ahli pimpinan Majlis Umum IJ, melawat pusat IJ di Sook dan disambut mesra oleh komuniti tempatan.

Majlis dirasmikan oleh YBhg Datin Sri Stella Bolkin. Antara pengisian majlis termasuklah persembahan muzik tradisional Togunggak, tarian alu-aluan Magunatip, lawatan ke reruai kebudayaan (Kadazandusun, Lobou, Murut dan Indonesia), ucapan alu-aluan, upacara pemotongan kek serta persembahan pentas yang menyerlahkan keunikan warisan budaya dan semangat perpaduan.

Menyambut migran, menyambut Kristus

MANGGATAL: Umat Katolik di Paroki Manggatal berhimpun bagi meraikan Hari Migran dan Perantau Sedunia ke-112, dengan penekanan terhadap tanggungjawab Gereja untuk melindungi golongan migran, khususnya kanak-kanak yang terdedah kepada pelbagai ancaman.

Bertemakan "Walaupun Hanya Salah Seorang daripada Kanak-kanak Ini", sambutan tersebut mengajak umat memberikan perhatian terhadap nasib kanak-kanak migran yang terpaksa meninggalkan tanah air akibat peperangan, kemiskinan dan ketidakstabilan politik.

Dalam perutusannya sempena Hari Migran sedunia, Sri Paus Leo XIV mengingatkan umat tentang tanggungjawab untuk menyambut dan melindungi golongan yang lemah, khususnya kanak-kanak migran yang tidak mampu membela diri.

Di peringkat paroki, sambutan tersebut diserikan dengan doa khas untuk keselamatan para migran dan keluarga mereka yang terpisah.

Umat turut diajak mengetepikan prasangka dan sikap memusuhi warga asing, sebaliknya membina hubungan persaudaraan dengan komuniti migran melalui tindakan kasih yang nyata.



Selepas Misa Kudus, sambutan diteruskan dengan persembahan kebudayaan masyarakat Indonesia dan Filipina serta persembahan Liga Wanita Katolik Gereja Good Shepherd, Manggatal.

Program tersebut dianjurkan bersama oleh Kluster 3, Komiti Pelayanan Migran dan Perantau yang merangkumi Inanam, Manggatal, Telipok dan KKIP.

Pada akhir sambutan, Gereja Divine Mercy, KKIP diumumkan sebagai tuan rumah sambutan Hari Migran pada 2028.

Sambutan ini menjadi peringatan bahawa pelayanan terhadap migran bukan sekadar tanggungjawab sosial, tetapi panggilan iman untuk menyambut Kristus dalam diri mereka yang memerlukan perlindungan dan kasih. **Stanley Ung**



Menghayati Injil melalui kerohanian Fransiskan

PULAU PINANG: Seramai 29 peserta dari pelbagai paroki menyertai program pengenalan panggilan hidup Fransiskan anjuran Fraterniti St Felix dari Cantalice di Gereja Kerahiman Ilahi, Sungai Ara, baru-baru ini.

Program itu bertujuan memperkenalkan spiritualiti Fransiskan dan panggilan hidup sebagai anggota Ordo Fransiskan Sekular (SFO).

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan, doa pembukaan dan tayangan video mengenai kehidupan Sto Fransiskus dari Assisi, diikuti dengan perkongsian riwayat hidupnya oleh Florence.

Fr Michael Teng OFMCap menjelaskan struktur keluarga Fransiskan serta spiritualitinya yang berpusatkan Kristus melalui Injil, alam ciptaan dan hubungan sesama manusia.

Pembimbing pembentukan, Mary Anne Khoo, pula menekankan komitmen anggota SFO untuk menghayati Injil dengan setia. Beliau turut memaklumkan bahawa persaudaraan tersebut ditubuhkan secara kanonik pada 1962.

Program diakhiri dengan sumbangan kepada paroki, jamuan persaudaraan dan berkat penutup oleh Fr Michael. Peserta turut menerima salib San Damiano sebagai kenangan.

Sahabat kecil Yesus



Warnakan gambar lilin, salib dan bunga dengan cantik.
Kemudian, tuliskan nama seseorang yang telah meninggal dunia dan ingin kamu doakan pada ruang yang disediakan.

Nama orang yang saya doakan:

.....

Doa pendek:

Ya Tuhan, kurniakanlah istirahat kekal kepada mereka yang telah meninggal dunia.
Semoga cahaya abadi menyinari mereka
dan semoga mereka beristirahat dalam damai. Amin.

CARI NAMA ORANG KUDUS

Hari Raya Semua Orang Kudus
1 November

Orang kudus ialah sahabat-sahabat tuhan yang menunjukkan teladan kasih, iman dan keberanian. Kita juga dipanggil untuk menjadi kudus!

P	E	T	R	U	S	A	M	O	N	I	K	A
A	N	T	O	N	I	U	S	M	A	T	I	U	S
U	Y	U	S	U	F	R	A	N	N	N	K	L
L	U	K	A	S	F	R	A	N	S	I	S	K	U	S
U	A	G	U	S	T	I	N	U	S	E	S	A
S	E	S	I	L	I	A	D	O	M	I	N	I	K	U	S
M	A	G	D	A	L	E	N	A	M	A	R	K	U	S
B	E	N	E	D	I	K	T	U	S	K	L	A	R	A
N	I	K	O	L	A	U	S	Y	O	H	A	N	E	S
A	N	D	R	E	A	S	T	E	R	E	S	A	L

Senarai Nama Orang Kudus

1. PETRUS
2. PAULUS
3. YUSUF
4. YOHANES
5. MATIUS
6. MARKUS
7. LUKAS
8. ANDREAS
9. FRANSISKUS
10. ANTONIUS
11. DOMINIKUS
12. AGUSTINUS
13. BENEDIKTUS
14. NIKOLAUS
15. MAGDALENA
16. MONIKA
17. TERESA
18. KLARA
19. SESILIA

Arahan:
Cari dan bulatkan nama-nama orang kudus yang tersembunyi dalam kotak huruf di atas. Nama-nama boleh ditemui secara melintang, menegak atau menyerong.



Hello anak-anak,

Apa khabar? Tahukah anak-anak bahawa Gereja Katolik menyambut dua hari istimewa pada awal November?

Pada November 1, kita merayakan Hari Raya Semua Orang Kudus bagi menghormati semua orang kudus di syurga, termasuk para santo dan santa serta mereka yang tidak kita kenali.

Adakah anak-anak boleh menjadi kudus? Sudah tentu!

Anak-anak boleh belajar menjadi kudus dengan berdoa, menghormati ibu bapa, membantu orang lain, berkongsi dan memaafkan rakan yang menyakiti hati kamu.

November 2 pula ialah Hari Peringatan Arwah Semua Orang Beriman.

Pada hari ini, kita mengenang dan mendoakan semua orang beriman yang telah meninggal dunia, termasuk datuk, nenek, ahli keluarga dan sahabat kita.

Sebagai umat Katolik, kita percaya bahawa Yesus telah bangkit dan menjanjikan kehidupan kekal. Kita boleh mendoakan para arwah di rumah, menghadiri Misa Kudus atau ketika mengunjungi tanah perkuburan.

Oleh itu anak-anak, pada November 1, kita meraikan semua orang kudus di syurga, manakala pada November 2, kita mendoakan para arwah. Kedua-dua hari ini mengingatkan kita bahawa kasih Tuhan tidak pernah berakhir.

Salam sayang
Auntie Melly

Seribu tanggungjawab, satu pelayanan

Tinggi lampai, jelita dan penuh karisma. Petah berbicara, ramah dan sentiasa tampil yakin. Namun, siapa sangka di sebalik pesonanya, wanita ini sebenarnya ibu kepada 11 orang anak!

Bukan sekadar suri hati keluarga, Beth juga seorang pendidik berpengalaman 22 tahun, penyampai radio Keuskupan Keningau dan pelayan Gereja yang aktif.

Bagaimanakah beliau mengimbangi semua tanggungjawab ini? Ikuti kisah inspirasi DJ Beth, wanita yang membuktikan bahawa kesibukan bukan penghalang untuk terus melayani.





Beatrice Able Podtung, lebih dikenali sebagai DJ Beth, berasal dari Kampung Tigot, Keningau. Beliau merupakan pendidik di SM St Francis Xavier, Keningau, dengan pengkhususan dalam Pendidikan Seni Visual dan Bahasa Inggeris.

Bermula sebagai guru sandaran tidak terlatih, Beth kemudian memperoleh Diploma Perguruan dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian.

Sejak lima tahun lalu, beliau turut menjadi penyampai Radio Online Keuskupan Keningau (ROKK), dahulunya Kekitaan.fm, menerusi segmen Info Keuskupan Keningau dalam dwibahasa setiap Rabu, jam 9.00 hingga 11.00 pagi.

Pelawaan yang membuka jalan baharu

Penglibatan Beth dalam dunia penyiaran bermula apabila DJ Endu (Didiroy Joneh) menjemput ibunya, Celestina Gariping, sebagai tetamu di studio radio. Beth bersama ahli keluarganya turut hadir memberikan sokongan.

Pertemuan itu membuka peluang apabila DJ Endu mempelawanya menjadi penyampai segmen bahasa Inggeris.

Ibunya menyokong pelawaan itu dan percaya Roh Kudus sedang membuka jalan baharu untuk Beth, sambil mengingatkannya bahawa Tuhan sentiasa menyertainya dalam menghadapi cabaran hidup. Dengan restu suami dan sokongan anak-anak, Beth akhirnya menerima pelawaan tersebut.

Mengimbas pengalaman pertama bersiaran, Beth mengakui berasa gementar, namun lebih teruja. DJ Kunang pernah berseloroh bahawa penyampai baharu biasanya menggeletar tetapi Beth pula seperti menari mengikut irama muzik.

Di sebalik keyakinannya, Beth mengakui memerlukan beberapa bulan untuk membiasakan diri dengan dunia penyiaran. Lima tahun berlalu, beliau terus setia dalam pelayanan itu dengan bersandarkan bimbingan Roh Kudus.

Mencintai pelayanan sejak kecil

Keyakinan Beth terbentuk sejak kecil melalui didikan mendiang bapanya yang sering membawanya menyertai aktiviti Gereja di paroki St Francis Xavier, Keningau, bahkan sebelum memasuki tadika.

Bagi Beth, mendiang bapanya merupakan guru pertama yang menyemai kecintaan terhadap pelayanan, membina keyakinan diri serta mendidiknya menjadi pemimpin yang rendah hati.

Beth bersyukur kerana penglibatannya dalam pelayanan sejak kecil memberinya peluang mengenali dan menimba pengalaman daripada ramai pemimpin Gereja, termasuk Uskup Cornelius Piong ketika masih seorang paderi, di samping membina keyakinannya berkomunikasi dengan masyarakat pelbagai latar belakang.

Sejak Tahun Lima, Beth sudah berani menulis surat dalam Bahasa Inggeris kepada seorang bekas guru di India yang tidak dikenalinya. Keyakinan itu menjadi bekal dalam pelayanan penyiaran.

Ibu kepada sebelas anak

Di sebalik kerjaya sebagai guru dan penyampai radio, Beth merupakan isteri dan ibu kepada 11 anak, lapan lelaki dan tiga perempuan. Baginya, setiap individu mempunyai tanggungjawab tersendiri. Justeru, beliau mengatur jadual lebih awal dengan sokongan suami dan anak-anak yang turut membantu menguruskan rumah tangga. “Kami tidaklah sempurna, namun sinodaliti dalam keluarga kami jelas dan nyata,” katanya.

Jika jadual pelayanan bertindih dengan tugas sebagai guru, Beth mengutamakan kerjayanya dan mengatur pengganti bagi siaran radio.

Beliau mengakui bahawa kekuatannya bukan sekadar bergantung pada kemampuan diri, tetapi juga sokongan keluarga, saudara-mara dan rakan-rakan serta doa memohon bimbingan Roh Kudus setiap pagi.

Walaupun aktif dalam pelayanan, termasuk sebagai penyampai radio dan pengacara majlis, Beth tetap mengutamakan keluarga. Beliau mengehadkan kerja sekolah yang dibawa pulang, merancang jadual lebih awal dan meluangkan hujung minggu untuk keluarga serta pelayanan Gereja. Setiap hari, beliau memohon bimbingan Roh Kudus melalui doa.

Menjadi teladan, bukan sekadar dilihat baik

Dalam kehidupan keluarga, Beth dan suaminya berusaha membentuk amalan doa dalam kalangan anak-anak.

Mereka memberikan peluang kepada anak-anak untuk memimpin doa makan dan doa malam, sama ada di rumah mahupun ketika berada di luar.

Anak-anak juga dibimbing supaya membiasakan diri dengan doa pagi.

Namun, beliau mengakui bahawa membesarkan anak-anak, khususnya apabila mereka meningkat dewasa, membawa cabaran tersendiri.

Selain soal pendidikan dan keperluan kewangan, perkembangan iman anak-anak merupakan antara perkara yang paling diberi perhatiannya sebagai ibu.

Beth percaya bahawa ibu bapa tidak boleh hanya bergantung pada kekuatan sendiri, sebaliknya perlu sentiasa berusaha menjadi teladan kepada anak-anak.

Beliau turut mengingatkan dirinya supaya tidak sekadar kelihatan baik di mata masyarakat, tetapi gagal menunjukkan teladan yang sama dalam keluarga.

Pelayanan yang berat tetapi tidak membebankan

Selain tugas sebagai pendidik dan DJ radio online Keuskupan Keningau, Beth turut aktif dalam pelayanan Gereja.

Beliau merupakan Pelayan Sabda di KUK Tigot, lektor bagi Misa Kudus Sabtu Senja di Gereja St Francis Xavier, Keningau, serta Setiausaha Komuniti Kristian Dasar (KKD) Bonda Maria.

Beth juga sering diundang menjadi pengacara majlis di peringkat keuskupan dan paroki kerana kepetahannya berbicara dalam bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa KadazanDusun.

Di sebalik pelbagai komitmen itu, beliau berpegang pada pesanan Uskup Cornelius Piong bahawa “pelayanan itu berat namun tidak membebankan".

Menurutnya, pesanan tersebut bukan hanya ditujukan kepada wanita, tetapi kepada semua umat tanpa mengira usia atau latar belakang.

Hidup sebagai kesempatan untuk melayani

Apabila diminta berkongsi pesanan kepada wanita, anak-anak dan umat secara keseluruhan, Beth mengajak mereka supaya mensyukuri segala keadaan hidup, sama ada dalam kekurangan mahupun kecukupan.

Beliau mengingatkan bahawa setiap manusia pasti berhadapan dengan cabaran, namun Tuhan tidak pernah membiarkan seseorang menghadapinya sendirian.

Baginya, manusia perlu sentiasa melibatkan Tuhan dan Roh Kudus dalam kehidupan, bukan hanya ketika berhadapan kesusahan, tetapi juga sewaktu menikmati kegembiraan dan kejayaan.

“Tuhan itu sangat dekat, namun manusia yang semakin menjauh,” katanya.

Setelah melalui pelbagai pengalaman sebagai isteri, ibu, pendidik dan pelayan Gereja, Beth merumuskan pegangan hidupnya secara sederhana tetapi penuh makna.

“Hidup adalah kesempatan untuk mengenali, mengasihi dan melayani Tuhan serta sesama. Hiduplah sentiasa dalam rasa hormat dan takut akan Tuhan.”

Bagi DJ Beth, kehidupan bukan sekadar tentang menunaikan tanggungjawab, tetapi juga menghargai setiap kesempatan untuk mendekatkan diri kepada Tuhan dan melayani sesama dengan penuh kasih. **Liza Magnus**



Beth dan suaminya, Gilbert bersama 11 orang anak mereka: Arnold, Bryan, Carolus, Davidde, Ephraim, Filbert Bless, Gloria, Honeybeth, Iris, Joshua dan Keating.



Berita Antarabangsa

Sri Paus tidak perlu rawatan tambahan selepas pembedahan

VATIKAN: Susulan pembedahan membuang lobus bawah paru-paru kanannya, pasukan perubatan Sri Paus Leo XIV memaklumkan pada Oktober 21 bahawa ketumbuhan yang dibuang pada Oktober 13 lalu disahkan sebagai *adenokarsinoma* paru-paru, sejenis kanser paru-paru, dan penyakit tersebut tidak merebak ke organ lain.

Dalam satu kenyataan, Dr Luigi Carbone dan Profesor Stefano Margaritora memaklumkan bahawa penilaian lanjut oleh pakar onkologi mengesahkan tiada rawatan tambahan diperlukan.

"Laporan akhir pemeriksaan histopatologi dan ujian molekul terhadap tisu yang dibuang semasa pembedahan Bapa Suci telah mengesahkan bahawa ketumbuhan tersebut ialah *adenokarsinoma* paru-paru yang masih terbatas pada bahagian berkenaan dan tidak merebak ke bahagian lain.

Penilaian susulan oleh pakar onkologi turut mengesahkan bahawa tiada rawatan lanjut diperlukan," menurut kenyataan penuh yang dikeluarkan oleh Pejabat Akhbar Takhta Suci. **Media Vatikan**

1,650 Kanak-kanak Myanmar raikan Hari Minggu Misi Sedunia

YANGON: Kira-kira 1,650 kanak-kanak di Myanmar menyertai sambutan ulang tahun ke-100 Hari Minggu Misi Sedunia, yang diraikan oleh Gereja Katolik sejagat pada Oktober 18 lalu.

Kardinal Charles Maung Bo, Uskup Agung Yangon merangkap pemimpin Konferensi para Uskup Katolik Myanmar, memimpin Misa Kudus sempena sambutan itu di Gereja Katolik Assumption, paroki Twantay, Keuskupan Agung Yangon.

Dalam homilinya, Kardinal Bo mengingatkan kanak-kanak bahawa mereka juga boleh menjadi misionari sejak usia muda dengan berkongsi kasih Yesus kepada orang lain.

Prelatus itu menjelaskan bahawa setiap orang boleh menjadi misionari di mana sahaja mereka berada, sama ada di rumah, sekolah mahupun dalam komuniti.

Katanya, kanak-kanak tidak perlu menunggu sehingga dewasa atau menjadi paderi, sister mahupun uskup untuk melaksanakan tugas sebagai misionari.

"Kamu boleh menjadi misionari hari ini!" ujar Kardinal Bo. **Radio Veritas Asia**

Takhta Suci gesa penghapusan senjata nuklear demi keamanan dunia

NEW YORK: Takhta Suci menggesa masyarakat antarabangsa menjadikan penghapusan senjata nuklear sebagai keutamaan demi memperkukuh keselamatan dan keamanan dunia.

Gesaan itu disampaikan oleh Uskup Agung Christophe El Kassis, Pemerhati Tetap Takhta Suci ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dalam perbincangan mengenai senjata nuklear sempena Perhimpunan Agung PBB ke-81 pada Oktober 19.

"Keadaan keselamatan antarabangsa yang semakin merosot sepatutnya menjadikan usaha menghapuskan senjata nuklear lebih mendesak," katanya.

Tegasnya, satu-satunya penyelesaian berkekalan ialah penghapusan sepenuhnya senjata nuklear, bukan sekadar mengurangkan risiko penggunaannya.

Menurut Uskup Agung El Kassis, pemodenan senjata nuklear dan kebergantungan terhadap ancaman serangan meningkatkan ketidakstabilan dunia, manakala penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam sistem nuklear membawa risiko baharu yang memerlukan kawalan manusia secara bertanggungjawab. **LiCAS News**

Abu Dhabi peringati 800 tahun Transitus Sto Fransiskus dari Assisi

ABU DHABI: Umat Paroki St Paul, Mussafah, Abu Dhabi, berhimpun minggu lalu bagi memperingati ulang tahun ke-800 Transitus Sto Fransiskus dari Assisi, iaitu peralihan beliau daripada kehidupan duniawi kepada kehidupan abadi.

Sambutan yang diadakan sempena Jubli Fransiskan Luar Biasa itu diisi dengan doa, persembahan drama dan muzik rohani.

Kemuncak sambutan ialah pementasan drama Transitus yang menggambarkan detik-detik terakhir kehidupan Sto Fransiskus sebelum kembali ke rumah Bapa.

Pementasan itu diarahkan oleh Fr Augustine dan dianjurkan di bawah bimbingan pastoral paderi paroki, Fr Maxim, dengan penglibatan umat setempat. Misa Kudus sempena sambutan tersebut dipimpin oleh Fr Michael Fernandes OFM Cap, Ketua Kustodi Kapusin Arabia.

Dalam homilinya, Fr Fernandes menegaskan bahawa Transitus bukan sekadar memperingati kematian Sto Fransiskus, tetapi menghayati kemenangan kerendahan hati, keamanan dan penyerahan diri sepenuhnya kepada Kristus.

Beliau turut menjelaskan bahawa Sto Fransiskus menerima kematian sebagai sebahagian daripada kehidupan dan menyebutnya "Saudari Maut".

Sikap ini terus menjadi inspirasi kepada umat untuk hidup dalam persaudaraan, sukacita dan menjaga alam ciptaan Tuhan. **LiCAS News**

Sri Paus lantik ahli teologi Malaysia ke Komisi Antarabangsa

VATIKAN: Fr Dr Clarence Devadass dari Malaysia, Pengarah Pusat Penyelidikan Katolik (Catholic Research Centre) di Kuala Lumpur, merupakan antara 24 anggota baharu yang dilantik oleh Sri Paus Leo XIV untuk menganggotai Komisi Teologi Antarabangsa (ITC) bagi penggal 2026–2031.

Pelantikan itu diumumkan oleh Takhta Suci pada Oktober 19, sekali gus menandakan permulaan penggal lima tahun ke-11 komisi berkenaan.

Selain melantik 24 anggota baharu, Sri Paus turut mengesahkan pelantikan semula enam anggota sedia ada, termasuk Msgr Piero Coda yang akan meneruskan tugas sebagai Setiausaha Agung Komisi bagi tempoh lima tahun lagi.

Dengan pelantikan tersebut, jumlah anggota ITC meningkat daripada 28 kepada 30 orang, dengan penyertaan lebih ramai ahli teologi dari Asia, Afrika dan Amerika Selatan.



Perwakilan Asia dan wanita meningkat

Bagi penggal baharu ini, perwakilan Asia dan Afrika masing-masing meningkat kepada empat anggota, manakala Amerika Selatan lima orang. Eropah mempunyai 13 wakil, Amerika Utara tiga dan Australia seorang.

Penyertaan wanita turut meningkat daripada lima kepada lapan orang. Jumlah anggota awam pula berganda kepada lapan orang, mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan kepakaran dalam komisi tersebut.

Selain Fr Clarence, antara ahli teologi dari Asia yang dilantik ialah Fr Gilbert De Lima dari India, Sr Shu Chin (Maria Teresa) Hu FI dari Taiwan dan Profesor Teresa Hyeon Soon Choi dari Korea Selatan.

Anggota baharu yang lain turut merangkumi ahli teologi dari Eropah, Afrika serta benua Amerika.

Komisi Teologi Antarabangsa berperanan membantu Takhta Suci, khususnya Dikasteri bagi Ajaran Iman, dalam meneliti persoalan doktrin yang penting dan relevan dengan perkembangan semasa.

Komisi ini menghimpunkan ahli teologi daripada pelbagai aliran pemikiran dan negara bagi menyumbangkan kepakaran mereka dalam kajian serta perbincangan berkaitan ajaran Gereja. **Media Vatikan**

Gereja Katolik Thailand perkukuh perlindungan kanak-kanak di sekolah

BANGKOK: Seramai 72 guru dan kakitangan Sekolah Daracharas di daerah Bang Khla, wilayah Chachoengsao, menyertai program pembaharuan rohani dan bengkel perlindungan kanak-kanak anjuran Sekolah Stella Maris Keuskupan Chanthaburi pada Oktober 18 lalu.

Bertemakan "Sentiasa Berwaspada terhadap Ancaman di Sekeliling demi Melindungi Pelajar", program itu bertujuan meningkatkan kesedaran warga pendidik terhadap ancaman pemerdagangan manusia, eksploitasi seksual, buli siber dan penipuan digital.

Menurut Timbalan Pengarah Stella Maris bagi pelayanan pelaut dan migran, Apinya Tajit, program tersebut menekankan kepentingan melengkapkan kanak-kanak dengan pengetahuan untuk melindungi diri, di samping memastikan guru bersedia mengenal pasti tanda amaran dan memberikan bantuan.

Program yang diterajui Fr Soodjen Fonruang, Pengerusi Lembaga Eksekutif Sekolah Daracharas, itu merupakan kesinambungan latihan perlindungan kanak-kanak yang diberikan kepada pelajar pada September 18 lalu.



Guru berperanan penting

Bengkel tersebut memberi tumpuan kepada usaha mengenal pasti taktik pemerdagangan manusia, penipuan dalam talian, buli dan eksploitasi seksual, termasuk penyalahgunaan gambar peribadi.

Peserta turut didedahkan kepada prinsip "Berhenti, Fikir dan Sahkan" bagi menangani ancaman digital, selain kaedah membantu mangsa secara sulit, tanpa menyalahkan mereka, serta mendapatkan bantuan pihak berkuasa.

"Guru memainkan peranan penting dalam pencegahan. Mereka paling dekat dengan kanak-kanak dan mampu mengesan perubahan kecil dalam tingkah laku serta mewujudkan persekitaran selamat supaya pelajar berani bersuara," kata Apinya.

Program tersebut merupakan sebahagian daripada usaha Stella Maris memperkukuh jaringan perlindungan kanak-kanak di institusi pendidikan Katolik Thailand.

Sebelum ini, latihan serupa turut diadakan untuk kira-kira 120 pentadbir sekolah swasta di Sekolah St Paul Convent, Si Racha, pada Oktober 3, serta pelajar antarabangsa di Kampus Xavier, Kolej Saengtham, pada Oktober 14.

Bagi pendidik Katolik, perlindungan kanak-kanak bukan sekadar tanggungjawab pentadbiran, tetapi sebahagian daripada misi Gereja untuk menghayati kasih Kristus melalui tindakan nyata.

Dan sesiapa yang menyambut seorang kanak-kanak seperti ini dalam nama-Ku, dia menyambut Aku." (Mat 18:5)

Melalui latihan tersebut, para guru digalakkan menjadi orang dewasa yang dipercayai oleh pelajar, khususnya kanak-kanak yang menghadapi penderitaan secara senyap atau menjadi mangsa ugutan dalam talian. **LiCAS News**

Keluarga tonggak kesejahteraan masyarakat



VATIKAN: "Perkara pertama yang ingin saya sampaikan kepada kamu ialah: terima kasih! Terima kasih atas sokongan doa kamu. Syukur kepada Tuhan atas kemurahan hati-Nya. Marilah kita semua memperbaharui kepercayaan kita terhadap kebaikan dan belas kasihan Tuhan," kata Sri Paus Leo XIV ketika menyampaikan Audiensi Umum di Dataran St Peter pada Oktober 21, yang merupakan audiensi umum hari Rabu pertamanya selepas menjalani pembedahan.

Sri Paus Leo XIV dibenarkan keluar dari Hospital Gemelli di Rom pada Sabtu, Oktober 17, selepas lima hari menerima rawatan susulan pembedahan paru-paru pada Selasa, Oktober 13.

Dalam siri katekesis mengenai dokumen Konsili Vatikan Kedua, Sri Paus Leo XIV menyoroti *Gaudium et Spes* (1965) yang menegaskan kepentingan melindungi perkahwinan dan keluarga sebagai "sekolah kemanusiaan yang lebih mendalam" dan "asas masyarakat".

Dokumen itu turut menyeru pihak yang memikul tanggungjawab sosial, khususnya dalam bidang politik dan kebudayaan, supaya berusaha demi kesejahteraan perkahwinan dan keluarga.

Kesejahteraan masyarakat berkait rapat dengan perkahwinan dan keluarga

Sri Paus Leo XIV menegaskan kepentingan keluarga dalam kehidupan Gereja, sambil merujuk kepada pertemuan di Vatikan pada Oktober 7–14 sempena ulang tahun ke-10 Seruan Apostolik *Amoris Laetitia* oleh Sri Paus Fransiskus. Pertemuan itu menghimpunkan para pemimpin Gereja-Gereja Timur dan pengerusi persidangan para uskup.

Merujuk kepada *Gaudium et Spes*, beliau menegaskan bahawa kesejahteraan individu dan masyarakat berkait rapat dengan keharmonian perkahwinan dan keluarga.

Suami isteri menjadi satu

Menurut Sri Paus, Gaudium et Spes menggambarkan perkahwinan sebagai "persekutuan hidup dan kasih yang intim", berasaskan penyerahan dan penerimaan diri antara suami isteri. Menurut beliau, penyerahan diri antara lelaki dan wanita, sehingga "mereka bukan lagi dua, melainkan satu daging", menjadi asas kepada tuntutan "kesetiaan sepenuhnya" dan "kesatuan yang tidak dapat dipisahkan" dalam perkahwinan.

Kesatuan suami isteri dizahirkan melalui kelahiran dan pendidikan anak-anak serta kasih yang meneladani Kristus terhadap Gereja-Nya.

Sri Paus menegaskan bahawa kasih dalam perkahwinan bukan sekadar tarikan seksual, tetapi merangkumi seluruh kehidupan pasangan yang sama martabatnya. Kasih ini dinyatakan melalui kelembutan, keintiman dan penyerahan diri antara suami isteri.

Tanggungjawab meneruskan kehidupan

Sri Paus turut menegaskan bahawa kesuburan dalam perkahwinan dinyatakan melalui anugerah kelahiran anak-anak.

"Dengan meneruskan kehidupan manusia dan mendidik anak-anak, suatu tanggungjawab yang tidak boleh ditolak, suami isteri menjadi 'rakan sekerja kasih Tuhan Pencipta dan, dalam erti tertentu, menjadi pentafsir kasih tersebut'," katanya.

Ibu bapa diseru membuat pertimbangan bijaksana demi kesejahteraan keluarga, berpandukan suara hati yang selaras dengan hukum Tuhan dan ajaran Gereja.

Mengakhiri katekesisnya, Sri Paus Leo berdoa agar Keluarga Kudus Nazaret "menerangi perjalanan kita dan melindungi keluarga-keluarga di seluruh dunia". **Media Vatikan**

Jus rohani untuk jiwa

Penawar hati yang letih

Dalam kesibukan hidup, kita sering mencari rehat untuk tubuh, tetapi bagaimana dengan jiwa yang turut keletihan?

Sto Agustinus pernah berkata, "Hati kami tidak tenteram sehingga beristirahat dalam-Mu, ya Tuhan." Tuntutan pekerjaan, keluarga dan masalah kewangan sering membuat kita keletihan. Bahkan, masa lapang yang dihabiskan dengan melayari media sosial tidak semestinya memberikan ketenangan. Persoalannya, di manakah kita dapat menemukan ketenangan sejati di tengah kesibukan hidup?

Belajar menerima keterbatasan diri

Keletihan kadangkala berpunca daripada keinginan untuk menjadi sempurna dalam pekerjaan, keluarga dan pelayanan, sehingga kita terlupa akan keterbatasan diri.

Tuhan tidak menuntut kita melakukan segala-galanya, tetapi mengajak kita setia melaksanakan tanggungjawab mengikut kemampuan dan menyerahkan perkara di luar kawalan kepada-Nya.

Berehat bukan tanda kelemahan, sebaliknya peluang memulihkan tenaga untuk terus mengasihi dan melayani.

Tuhan tetap setia

Dalam kehidupan, banyak perkara



boleh berubah. Hubungan manusia, pekerjaan, kesihatan dan keadaan sekeliling tidak selalu seperti yang kita harapkan.

Namun, kasih Tuhan tidak pernah berubah. Walaupun kita gagal, kecewa atau berasa tidak dihargai, Dia tetap mengasihi kita. Kesedaran bahawa kita dikasihi sebagai anak-anak Tuhan, bukan kerana pencapaian, membebaskan kita daripada tekanan untuk sentiasa membuktikan nilai diri.

Menemukan ketenangan melalui Sabda Tuhan

Ketika dibebani masalah, kita sering mencari seseorang untuk mendengar keluhan, tetapi jarang membuka Kitab Suci untuk mendengar suara Tuhan.

Melalui Sabda-Nya, Tuhan memberikan kekuatan dan penghiburan. Yesus bersabda, "*Marilah kepada-Ku, kamu semua yang letih lesu dan berbeban berat, Aku akan memberikan kelegaan kepadamu*" (Mat 11:28).

Undangan ini bukan menjanjikan hidup tanpa masalah, tetapi meyakinkan kita bahawa Yesus sentiasa menyertai kita dalam menghadapi setiap beban kehidupan.

Luangkan beberapa minit setiap hari untuk membaca Kitab Suci, berdoa dalam keheningan atau sekadar berada di hadapan Tuhan.

Berehat dalam pengharapan

Iman Katolik mengajar bahawa penderitaan bukanlah pengakhiran hidup. Melalui kebangkitan Kristus, kita memiliki pengharapan akan sukacita abadi bersama Tuhan. Pengharapan ini memberi kekuatan untuk terus melangkah meskipun dibebani kesulitan.

Kita diajak menyerahkan kebimbangan kepada Tuhan, melakukan apa yang termampu dan menerima bahawa tidak semua masalah perlu diselesaikan segera. Ketenangan sejati bukanlah hidup tanpa masalah, tetapi hati yang tetap percaya kepada Tuhan dalam segala keadaan.

Doa: Tuhan, ketika tubuh dan jiwaku keletihan, ajarlah aku berhenti sejenak, mempercayai kasih-Mu dan menemukan ketenangan dalam hadirat-Mu. Amin. **Aleteia**

Penulis jemputan Berkicau

Memelihara ciptaan, mengasihi Pencipta

Menjaga alam ciptaan bukan sekadar tanggungjawab terhadap alam sekitar, tetapi juga sebahagian daripada panggilan iman sebagai pengikut Kristus. Demikian peringatan Fr Dr Clarence Devadass dalam editorial *Catholic Asian News* edisi September 2026, ketika mengulas seruan Paus Fransiskus melalui ensiklik *Laudato Si'*.

Ensiklik itu menegaskan bahawa jeritan bumi dan golongan miskin saling berkait serta menuntut keadilan, belas kasihan dan pemulihan. Menurut Fr Clarence, Komisi Teologi Antarabangsa turut menegaskan bahawa dosa terhadap alam ciptaan merupakan dosa terhadap Pencipta. Ajaran ini mengajak kita untuk memeriksa cara hidup dengan penuh kerendahan hati. Apabila kita membazir, mencemarkan atau mengeksploitasi alam sekitar, kita bukan sahaja merosakkan alam ciptaan, tetapi juga menjejaskan hubungan kita dengan Tuhan.

Sehubungan itu, Gereja turut meraikan Tahun Jubli Sto Fransiskus dari Assisi, yang berlangsung dari Januari 10, 2026 hingga Januari 10, 2027. Sambutan ini memperdalam penghayatan Musim Penciptaan yang diraikan setiap tahun dengan menonjolkan hubungan rohani Sto Fransiskus yang begitu erat dengan alam dan semua makhluk ciptaan Tuhan.

Tahun Jubli ini bukan sekadar memperingati seorang santo yang dikasihi, tetapi juga merupakan seruan kepada pertobatan peribadi, komuniti dan ekologi, berlandaskan kesaksian hidup Sto Fransiskus yang berani menghayati ajaran Injil tanpa kompromi.

Menjelang akhir hayatnya, Sto Fransiskus hampir kehilangan penglihatan akibat penyakit yang serius. Keadaan fizikalnya semakin lemah dan beliau terpaksa menanggung pelbagai penderitaan. Namun, di tengah-tengah penderitaan itulah lahir salah satu karya rohani yang paling agung, iaitu Kidung Segala Makhluk (*Canticle of the Creatures*).

Kidung pujian yang turut dikenali sebagai Kidung Suria (*Canticle of the Sun*) itu memuliakan Tuhan melalui matahari, bulan, bintang, angin, air, api dan bumi.

Lapan abad kemudian, mesejnya terus mempengaruhi ajaran Gereja Katolik mengenai alam ciptaan dan tanggungjawab manusia untuk memeliharanya.

Apabila Kardinal Jorge Mario Bergoglio dipilih sebagai Sri Paus pada 2013, beliau menjadi Sri Paus pertama yang mengambil nama Fransiskus, diilhamkan oleh teladan orang kudus dari Assisi itu.

Menjaga alam ciptaan merupakan tanggungjawab moral dan rohani setiap manusia, khususnya umat beriman. Dalam Kitab Kejadian, Tuhan menyatakan bahawa segala ciptaan-Nya amat baik (Kejadian 1:31) dan mengamanahkan manusia untuk mengusahakan serta memeliharanya (Kejadian 2:15).

Sebagai pemegang amanah, bukannya pemilik mutlak, kita wajib menjaga bumi daripada kemusnahan. Penerokaan hutan yang tidak terkawal, pencemaran sungai dan kemusnahan hidupan liar bukan sahaja menjejaskan alam sekitar, tetapi juga kehidupan manusia, khususnya golongan miskin dan lemah yang bergantung kepada sumber alam untuk kelangsungan hidup.

Sebagai pemegang amanah alam ciptaan, kita bertanggungjawab memeliharanya. Kemusnahan alam sekitar bukan sekadar isu ekologi, tetapi juga persoalan moral dan kerohanian yang menuntut tindakan nyata daripada setiap umat beriman.

Justeru, menjaga rumah kita bersama bukan sekadar tanggungjawab terhadap alam sekitar, tetapi juga suatu ungkapan iman dan kasih kepada Tuhan serta sesama manusia.

Semangat *Laudato Si'* mengajak kita memulakan perubahan melalui tindakan sederhana dalam kehidupan seharian, demi memelihara alam ciptaan yang diamanahkan Tuhan kepada kita dan generasi akan datang. **John Cham**

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Kita boleh menghantar artikel kepada
liza@herald.com.my atau
WhatsApp: 011-26391498

Mingguan Katolik
HERALD

PERMOHONAN DOA SRI PAUS (NOVEMBER)

DEMI PENGGUNAAN KEKAYAAN YANG BIJAKSANA. Marilah kita berdoa agar kekayaan digunakan dengan bijaksana, tanpa menyerah kepada godaan sikap mementingkan diri, sebaliknya sentiasa dimanfaatkan demi kebaikan bersama dan semangat solidariti dengan golongan yang kurang bernasib baik.

November 1, 2026

PUKAT ke-13: Berjalan bersama, berani bertindak



KENINGAU: Uskup Keningau, Cornelius Piong mengingatkan umat bahawa perhimpunan pastoral bukan sekadar menggumpulkan peserta di satu tempat, sebaliknya menuntut penglibatan, keterbukaan dan kesedaran terhadap tanggungjawab bersama dalam Gereja.

Prelatus itu menyampaikan pesanan demikian ketika memimpin Misa Kudus pembukaan Perhimpunan Umat Katolik (PUKAT) Ke-13 Keuskupan Keningau di Rumah Retret Keuskupan Keningau, Tatal pada Oktober 8 lalu.

Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Cornelius bersama para paderi dari seluruh keuskupan itu dihadiri kira-kira 500 peserta. Dalam homilinya, Uskup Cornelius menjelaskan bahawa istilah "PUKAT" membawa maksud perhimpunan, bukan sekadar pertemuan biasa.

Beliau menekankan bahawa sebuah perhimpunan yang bermakna tidak hanya diukur berdasarkan jumlah kehadiran, tetapi juga melalui penglibatan aktif setiap peserta.

Menurut beliau, perhimpunan seharusnya menjadi ruang untuk umat berkongsi pengalaman, saling mendengar, memperkukuh hubungan persaudaraan serta membina semangat kesatuan dalam iman dan pelayanan. Sehubungan itu, Uskup Cornelius mengajak para peserta supaya memahami tujuan kehadiran masing-masing serta melibatkan diri secara aktif dalam setiap pengisian program.

Ketua Keuskupan Keningau itu turut mengingatkan bahawa setiap peserta mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam membangun komuniti Gereja serta memperkukuh pelayanan pastoral.

Misa Kudus pembukaan itu turut diserikan dengan perarakan masuk Salib Solidariti sebagai lambang kesatuan dan kebersamaan umat daripada 10 paroki dan satu misi di Keuskupan Keningau.

PUKAT Ke-13 membawa tema "Tuhan Berjalan Bersama, Membangun Umat yang Bersifat Komuniti, Bersikap Ambil Peduli dan Setia Beraksi bagi Kristus".

Tema tersebut menekankan kepentingan berjalan bersama dalam iman, membina semangat komuniti, mengambil peduli terhadap sesama dan menterjemahkan iman melalui tindakan nyata.

Selepas Misa Kudus, program diteruskan dengan taklimat keseluruhan, perkongsian sejarah Keuskupan Keningau serta makan malam bersama bagi mengeratkan hubungan persaudaraan antara peserta.

Pada hari kedua, selepas Misa Kudus pagi, para peserta mendengar sesi pengenalan yang menghubungkan tema Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026) dengan tema PUKAT Ke-13.

Kemudian melalui sesi "Kepimpinan dan Pelayanan Pastoral", para peserta memahami kepentingan kepimpinan serta komitmen dalam melaksanakan tanggungjawab Gereja.

Para peserta turut mengikuti perbualan rohani dalam kumpulan yang membuka ruang untuk berkongsi pengalaman, mendengar pandangan dan memperdalam pemahaman tentang pelayanan pastoral.

Sesi kedua bertajuk "Peranan dan Tanggungjawab Majlis Pastoral Paroki (MPP) dan Majlis Pastoral Mission (MPM)" menekankan kepentingan penglibatan aktif serta kerjasama dalam memperkukuh pelayanan di peringkat paroki dan misi.

Selain sesi katekesis pastoral, para peserta turut mengikuti Adorasi Sakramen Mahakudus sebagai ruang untuk berdoa dan merenungkan panggilan mereka dalam pelayanan Gereja.

PUKAT Ke-13 melabuhkan tirainya dengan perayaan Misa Kudus, sekali gus menandakan permulaan kepada tanggungjawab yang lebih besar bagi para peserta untuk membawa semangat perhimpunan itu kembali ke paroki dan misi masing-masing.



19 tahun Keuskupan Sandakan, setia dalam kasih

SANDAKAN: Keuskupan Sandakan meraikan tiga peristiwa penting pada 15 Oktober 2026 dalam suasana penuh kesyukuran, sekali gus memperbaharui komitmen umat untuk terus bersatu dalam iman dan pelayanan.

Bertemakan "Meraikan Iman, Kesatuan dan Kesyukuran", sambutan itu memperingati ulang tahun kelahiran Uskup Julius Dusin Gitom yang ke-69 pada Oktober 14, ulang tahun pentahbisan episkopal beliau yang ke-19 serta ulang tahun penubuhan Keuskupan Sandakan yang ke-19 pada Oktober 15.

Uskup Julius menjelaskan bahawa penubuhan Keuskupan Sandakan pada Oktober 15, 2007, adalah bertepatan dengan Pesta Santa Teresa dari Ávila, seorang santa yang amat beliau kagumi.

Sejak penubuhan Keuskupan Sandakan, persoalan "Apakah bentuk Gereja yang ingin kita bina?" terus menjadi asas renungan dalam menentukan hala tuju dan pelayanannya.

Persoalan ini mengajak seluruh umat untuk menilai peranan masing-masing dalam membina sebuah Gereja yang bersatu, prihatin dan sentiasa terbuka kepada keperluan sesama.

Berteraskan visi dan misi "Saling Melayani dengan Kasih", umat diingatkan bahawa iman perlu diterjemahkan melalui tindakan nyata, khususnya dalam pelayanan, belas kasihan dan keprihatinan terhadap sesama.

Melalui semangat pelayanan ini, setiap anggota Gereja mempunyai peranan dalam membina komuniti yang saling menyokong, menghormati dan mengambil berat antara satu sama lain. Dengan menjadikan kasih Kristus sebagai asas setiap tindakan, Keuskupan Sandakan diharapkan terus berkembang sebagai sebuah Gereja yang bukan sahaja teguh dalam iman, tetapi juga menjadi saksi kasih Tuhan di tengah masyarakat.

Melangkah ke hadapan, Keuskupan Sandakan dipanggil untuk meneruskan perjalanan dalam semangat sinodaliti, iaitu berjalan bersama, saling mendengar, terbuka kepada bimbingan Roh Kudus dan membuat penegasan bersama bagi mencari kehendak Tuhan.

Sambutan ulang tahun ke-19 penubuhan Keuskupan Sandakan bukan sekadar menjadi kesempatan untuk bersyukur dan mengenang perjalanan keuskupan sepanjang hampir dua dekad, tetapi juga dorongan untuk terus membina Gereja sebagai satu keluarga dalam Kristus. **Evelyn Jock**

RM80 Juta untuk Rumah Ibadat bukan Islam disambut baik

KUALA LUMPUR: Majlis Perundingan Malaysia bagi Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao (MCCBCHST) menyambut baik peningkatan peruntukan penyelenggaraan rumah ibadat bukan Islam dalam Belanjawan 2027, namun menggesa supaya proses pengagihannya dilaksanakan secara telus, adil dan mudah diakses.

Dalam kenyataan pada Oktober 12, MCCBCHST menyifatkan peningkatan peruntukan tersebut sebagai langkah positif bagi memastikan rumah ibadat kekal selamat, selesa dan sesuai untuk kegiatan keagamaan.

Belanjawan 2027 yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 9 Oktober memperuntukkan RM80 juta bagi penyelenggaraan rumah ibadat bukan Islam berdaftar.

MCCBCHST menghargai keprihatinan kerajaan, khususnya Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming, terhadap keperluan komuniti bukan Islam yang banyak bergantung pada sumbangan orang ramai, terutama bagi penyelenggaraan rumah ibadat komuniti kecil. MCCBCHST berharap peruntukan tersebut dapat dimanfaatkan oleh semua rumah ibadat di seluruh negara, terutama yang mempunyai sumber kewangan terhad.

Justeru, majlis itu menggesa kerajaan meningkatkan peruntukan pada masa hadapan bagi memastikan rumah ibadat terus terpelihara.